

20 JUL 2001

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA RAJA BELGIUM SEMPENA HARI KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini mengirim perutusan tahniah kepada ketua negara Belgium, Raja Albert II sempena Hari Kebangsaan negara itu.

Dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra, Seri Paduka berharap semoga kerajaan dan rakyat Belgium menikmati kemakmuran.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Guy Verhofstadt sambil berkata beliau gembira mendapati wujudnya hubungan dan kerjasama erat antara kedua-dua negara.

"Saya menaruh harapan untuk bekerjasama bagi mempertingkatkan lagi hubungan," kata beliau.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir juga mengucapkan tahniah kepada Verhofstadt atas pemilihannya sebagai presiden Kesatuan Eropah.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula menghantar perutusan kepada Menteri Luar Belgium Louis Michel.

-- BERNAMA

NM AKT FAZ